

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 29/09/2019
Edisi / Muka surat : www.utusan.com.my
Tajuk : Gerakan koperasi perlu perkasa pelancongan sukan

Gerakan koperasi perlu perkasa pelancongan sukan



SEBAHAGIAN peserta bergambar dalam Kejohanan Golf Coopstay 2019 yang berlangsung di Ranau, Sabah, hari ini. - UTUSAN ONLINE

Azrul Hakimie Anuer

29 September 2019 6:30 PM

KOTA KINABALU 29 Sept. - Gerakan koperasi yang melibatkan diri dalam industri 'homestay' dan perhotelan perlu memperkasa perkhidmatan masing-masing bagi menarik minat masyarakat.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, banyak koperasi kini menyediakan khidmat penginapan dan mereka seharusnya meneroka rantaian perkhidmatan lain seperti pelancongan sukan yang diminati ramai.

"Penglibatan koperasi dalam sektor pelancongan kini terus berkembang dan kini terdapat 35 buah 'Coopstay' yang mencatat perolehan sebanyak RM2.64 juta.

"Manakala, 15 buah 'Coophotel' dengan jumlah perolehan sebanyak RM18.3 juta pada tahun 2018," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kejohanan Golf Coopstay 2019 anjuran Angkasa dengan kerjasama Koperasi Jaimin Ranau Berhad dan Koperasi Homestay Walai Tokou Kundasang Sabah Berhad.

Teks ucapan beliau telah dibaca oleh Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa.

Abdul Fattah berkata, Angkasa perlu mempromosi pelancongan sukan kerana minat masyarakat terhadapnya semakin meningkat dan mampu membantu menjana pendapatan koperasi.

"Pakej pelancongan sukan, agro tourism dan eco tourism anjuran koperasi juga boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa terutamanya kepada koperasi-koperasi di negara ASEAN untuk berkunjung ke Malaysia.

"Program koperasi seperti ini juga amat sesuai sebagai persediaan menyokong Tahun Melawat Malaysia 2020 kerana ia dapt menjana perolehan yang besar kepada koperasi," katanya. - *UTUSAN ONLINE*